

Laluan baharu MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya siap 2022

Usaha berterusan BN untuk rakyat

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan sedang berusaha menyempurnakan laluan kedua Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Perdana Menteri berkata, usaha kerajaan Barisan Nasional tidak terhenti dengan siapnya laluan MRT Sungai Buloh-Kajang yang telah dibuka sepenuhnya bulan lepas.

“Fokus kita sekarang adalah untuk ‘deliver’ (laksanakan) laluan kedua

kepada rakyat iaitu MRT SSP yang bakal memanfaatkan lebih kurang dua juta penduduk dari Sungai Buloh ke Putrajaya merangkumi Sri Damansara, Kepong, Batu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Razak, KLCC, Tun Razak Exchange, Kuchai Lama, Sungai Besi, Seri Kembangan dan Cyberjaya,” katanya menerusi



NAJIB

laman blog rasmi najibrazak.com semalam. Najib berkata berdasarkan kajian, laluan MRT SSP sepanjang 52.2km dengan 37 buah stesen ini bakal mencatat 529,000 penumpang sehari apabila siap beroperasi pada suku kedua 2022 kelak.

“Ini satu lagi projek yang ditunggu-tunggu rakyat dan saya pasti akan



MRT merupakan pengangkutan awam terancang negara setakat ini. – Gambar hiasan

laman blog rasmi najibrazak.com semalam.

Najib berkata berdasarkan kajian, laluan MRT SSP sepanjang 52.2km dengan 37 buah stesen ini bakal mencatat 529,000 penumpang sehari apabila siap beroperasi pada suku kedua 2022 kelak.

“Ini satu lagi projek yang ditunggu-tunggu rakyat dan saya pasti akan

kita jayakan sekali lagi, insya-Allah,” kata Najib.

Sementara itu, Najib turut berkongsi kegembiraan beliau membaca maklum balas yang diberikan oleh pengguna berkenaan infrarakyat MRT Sungai Buloh-Kajang yang dibuka sepenuhnya pada 17 Julai lepas.

“Alhamdulillah semuanya memberi maklum balas positif, malah ber-



KERATAN Kosmo! 17 Julai 2017.

bangga dengan hasil titik peluh anak-anak Malaysia yang merancang dan membina projek pengangkutan awam bertaraf dunia tersebut,” kata Najib.

Dalam masa sama beliau turut membidas kata-kata



Laluan MRT Lembah Klang

- Laluan 1 (SBK)
- Laluan 2 (SSP)

Sumber: tunnellingjournal.com

pemimpin pembangkang tidak lama dahulu yang menuduh kos membina MRT memakan belanja sebanyak RM100 bilion.

Najib menjelaskan bahawa kejayaan pembinaan MRT dari segi

keuangan sebahagian besarnya adalah menerusi sistem tender yang telah dilaksanakan dalam memastikan ketelusan dan kelangsungan projek ini, selain urus tadbir yang baik. – Bernama